



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2025 di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

(Foto BERNAMA)

Kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang dipertingkatkan

Kerajaan bertekad rapat kerjasama dengan negeri tanpa mengira fahaman politik

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju meluluskan peningkatan kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) kepada kerajaan negeri sebanyak 25 peratus atau daripada RM109 juta kepada RM548 juta, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini kali pertama kadar Capitation Grant disemak sejak 2022.

“Kerajaan MADANI juga meningkatkan Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Negeri kepada RM9.8 bilion untuk 2025 ketimbang RM9.3 bilion pada tahun lalu.

“Alhamdulillah, hari ini (semalam) saya mempengerusikan Ma-

jlis Kewangan Negara Tahun 2025 yang turut dihadiri Premier Sarawak, Menteri Besar dan Ketua Menteri,” katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Rapatkan kerjasama

Beliau berkata, kerajaan MADANI bertekad untuk merapatkan kerjasama dengan semua kerajaan negeri tanpa mengambil ki-

ra fahaman dan kecenderungan politik agar khidmat kepada rakyat dapat disempurnakan dengan baik.

“Acap kali saya ingatkan bahawasanya apabila berkhidmat untuk rakyat, hubungan dengan semua kerajaan Negeri harus kekal utuh demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya,” katanya.